



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA MEI 2025

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia menurun 3.6 peratus pada Mei 2025

PUTRAJAYA, 26 Jun 2025 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur perubahan harga di peringkat pengeluar, terus menurun 3.6 peratus pada Mei 2025, selepas penurunan 3.4 peratus pada bulan sebelumnya. Ini dilaporkan dalam laporan bulanan terbaharu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MEI 2025** diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, menekankan, "Semua sektor lain mencatatkan penurunan tahun ke tahun pada Mei 2025, kecuali sektor Pertanian, perhutanan & perikanan. Sektor Perlombongan terus merekodkan penurunan dua digit, susut 15.0 peratus (April 2025: -17.8%) disebabkan oleh penurunan ketara dalam indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-15.7%) dan Pengekstrakan gas asli (-13.1%). Sektor Pembuatan menurun 3.0 peratus, selepas susut 2.6 peratus pada bulan sebelumnya, disebabkan oleh subsektor utama iaitu Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-15.4%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-6.9%). Sektor Bekalan elektrik & gas juga turun sebanyak 1.1 peratus, manakala sektor Bekalan air susut perlahan 0.2 peratus. Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan kekal meningkat, walaupun pada kadar yang lebih perlahan, dengan peningkatan 1.8 peratus berbanding kenaikan 2.6 peratus pada April 2025. Ini disumbangkan terutamanya oleh indeks Penanaman tanaman kekal (4.5%)."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan lagi, "Pada asas bulan ke bulan, IHPR Pengeluaran Tempatan menurun 1.1 peratus pada Mei 2025, berbanding penurunan

1.0 peratus pada April 2025. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan penurunan 5.4 peratus, disebabkan oleh penurunan ketara dalam indeks Penanaman tanaman kekal (-9.1%). Sektor Perlombongan turut mencatatkan penurunan 2.3 peratus, disebabkan oleh penurunan indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-2.1%). Sementara itu, sektor Pembuatan turun 0.5 peratus, dipengaruhi oleh penyusutan dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-2.1%) dan Pembuatan produk makanan (-1.1%). Namun begitu, sektor utiliti mencatatkan peningkatan sederhana pada bulan ini. Indeks Bekalan elektrik & gas meningkat 0.6 peratus, manakala indeks Bekalan air meningkat sederhana 0.2 peratus.”

Mengulas lebih lanjut mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Ketua Perangkawan menjelaskan, “Seperti bulan sebelumnya, semua peringkat pemprosesan mencatatkan penurunan tahun ke tahun pada Mei 2025. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 8.7 peratus, disebabkan oleh penurunan ketara dalam Bahan bukan makanan (-10.4%). Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen menurun 2.4 peratus, disebabkan oleh Bahan api yang diproses & pelincir (-9.9%). Sementara itu, indeks Barang siap mencatatkan penurunan 2.4 peratus disebabkan oleh penurunan dalam Kelengkapan modal (-3.2%).”

Pada asas bulan ke bulan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 3.7 peratus. Pada masa yang sama, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen dan Barang siap masing-masing turun sebanyak 0.6 peratus dan 0.3 peratus.

Perbandingan dengan negara terpilih menunjukkan pelbagai trend IHPR bagi Mei 2025. IHPR Amerika Syarikat meningkat 2.6 peratus, lebih tinggi berbanding peningkatan 2.5 peratus pada bulan sebelumnya. IHPR Jepun meningkat 3.2 peratus, perlahan berbanding peningkatan 4.1 peratus, disebabkan oleh penurunan kos dalam produk Petroleum & arang batu serta Mesin pengeluaran. Sebaliknya, harga pengeluar China terus susut 3.3 peratus, selepas penurunan 2.7 peratus pada bulan sebelumnya. Ini merupakan bulan ke-33 berturut-turut deflasi harga pengeluar, disebabkan oleh risiko luar yang meningkat dengan ketidakpastian tarif Amerika Syarikat dan permintaan domestik yang masih lemah. Penurunan ini khususnya dalam bahan pengeluaran, dengan penyusutan ketara pada indeks Perlombongan dan Bahan mentah. IHPR Thailand juga menyusut 3.7 peratus, penurunan yang lebih besar berbanding penurunan 3.2 peratus pada April 2025. Ini merupakan bulan ketiga berturut-turut negatif harga pengeluar tahun

ke tahun, sebahagiannya disebabkan oleh penurunan harga tenaga yang memaparkan trend seperti Malaysia.

Bercakap mengenai harga komoditi terpilih Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah bahawa, "Harga minyak mentah *Brent* mengalami penurunan, jatuh daripada sekitar USD68 setong pada April 2025 kepada serendah USD64 setong pada Mei 2025, menandakan penurunan bulanan paling rendah sejak 2021. Menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), penurunan mendadak ini disebabkan oleh ketegangan perdagangan yang semakin memuncak dan peningkatan pengeluaran OPEC+ yang lebih besar daripada jangkaan yang mengatasi permintaan global. Laporan *Commodity Markets Outlook* yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada Mei 2025 menjangkakan purata harga minyak mentah *Brent* adalah USD64 setong pada 2025, jauh lebih rendah berbanding USD81 setong pada 2024, dengan jangkaan penurunan lebih rendah kepada USD60 setong pada 2026. Sementara itu, permintaan yang lemah dari China membantu mengekalkan kestabilan relatif harga gas asli cecair (LNG) Asia sepanjang tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, kebimbangan terhadap permintaan tenaga akan datang mendorong penurunan harga gas yang lebih tinggi. Menurut *International Monetary Fund* (IMF), harga gas asli mula menurun pada Mei 2025 selepas peningkatan harga selama enam bulan."

Selain itu, harga minyak sawit mentah Malaysia juga merosot dengan ketara, mencecah paras terendah 15 bulan iaitu RM3,880.50 satu tan pada Mei 2025, dengan penurunan bulan ke bulan sebanyak 10.2 peratus. Kejatuhan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan mendadak dalam pengeluaran minyak sawit Malaysia, yang menyebabkan peningkatan inventori seperti yang dilaporkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Pada masa yang sama, peningkatan ketara dalam pengeluaran Indonesia menyumbang kepada lebih bekalan global, seterusnya menyebabkan penurunan harga yang lebih rendah.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 26 Jun 2025


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)





Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
26 JUN 2025**